

PENCARIAN DI INTERNET DENGAN MENGGUNAKAN SEPULUH ENJIN GELINTAR YANG BERLAINAN

oleh

RAHMAH MOKHTAR

Pengenalan

ENJIN Gelintar adalah program jaringan yang memainkan peranan untuk mencari pangkalan data halaman jaring (*Web pages*) yang sesuai dengan katakunci yang diberikan oleh pengguna (Ding, Choo Ming, 1997). Penggunaan Enjin Gelintar ini boleh dikatakan sebagai satu jalan pintas untuk mencari maklumat di dalam Internet yang merupakan komputer global yang besar.

Pelbagai Jenis Enjin Gelintar

Terdapat pelbagai Enjin Pencarian yang berada di dalam program Internet, antaranya 2Go2, Aesir Custom Search, Ahoy!, Airport Search Engine, Alcanseek, Aliweb, AltaVista, Ananzi, AnySearch, Anzwers, Amazon, Aqueous, Area 52, Arkansas, Deja News, Direct, ATI, AvatarSearch, BizAds Business Locator, Black Widow Search, Brian's Emulation Search Engine, BRS Search Page, Business Seek, Campsearch, Cari Malaysia, Catcha, CasePoint Web Server, Cinemachine, Communitu-based Navigation, Company Site Locator, CUI W3 Catalog, Discovery Channel Online Search Engine, Dive, the DIY Search, Dynamic Site Search, El Faro, Euroseel, Excite, Fido the Shopping Doggie, Fiji Search Engine, Filez, Fish-Search, Fish4It, Funny Site, G-Spot, Global Online Directory, Globe Page, G1OSS, GNA Meta-Library, Heureka, Home Team, Hong Kong Search Engine, HotBot, HumanSearch, IBM, IBM infoMarket Search, Identify, In 2 Ireland, Inference Find, Infohiway, Infoseek, Lycos, Yahoo, Looksmart, WWW Worm, Image Surfer dan MSN.

Setiap Enjin Gelintar mempunyai ciri masing-masing dan pengaksesan maklumat setiap Enjin Gelintar didapati berlainan. Boleh dikatakan "Pencarian Katakunci yang sama menggunakan 10 Enjin Gelintar yang berlainan seumpama bertanya kepada 10 orang untuk menggambarkan keadaan atau perkara yang sama: peluangnya anda akan mendapati 10 cerita yang berbeza. Sejauh manakah benarnya kenyataan ini? Untuk ini penulis telah membuat kajian dengan mengambil katakunci "*Multimedia Software*" untuk mengesahkan kenyataan tersebut.

Kemampuan

Antara Enjin Gelintar yang dipilih adalah AltaVista, Amazon, Deja News, Excite, Galaxy, HotBot, InfoSeek, Lycos, MSN dan Yahoo. Hasil daripada pencarian menggunakan Enjin Gelintar yang tersebut telah membuktikan kebenaran kenyataan yang dinyatakan sebelum ini berdasarkan rekod-rekod yang dicapai oleh Enjin Gelintar.

Jadual di bawah akan menyenaraikan rekod yang telah dicapai oleh setiap satu Enjin Gelintar:

ENJIN PENCARIAN	JUMLAH REKOD DICAPAI
Alta Vista	49,616
Amazon	1,175
Deja News	26
Excite	8,175
Galaxy	61
HotBot	40
InfoSeek	313,144
Lycos	76,855
MSN	286
Yahoo	154

Jika dilihat dari jumlah rekod yang dicapai ternyata terdapatnya perbezaan dalam dapatan rekod oleh setiap Enjin Gelintar. Dan ini dapat membuktikan maklumat yang diberikan adalah berlainan sama sekali.

Selain dari itu, judul pertama yang diberikan oleh setiap Enjin Gelintar juga berlainan di antara satu sama lain. Berikut disenaraikan judul pertama setiap rekod yang dicapai:

AltaVista – ‘Multimedia Software Review’
Amazon – ‘The Great Operas’
Deja News – ‘Win me’
Excite – ‘Sonic Desktop Software’
Galaxy – ‘Ulead System Home Page’
HotBot – ‘Multimedia Software Inc.’
InfoSeek – ‘ZDNet Software Library: Multimedia Tools’
Lycos – ‘Product Reviews: Multimedia Software : read and write reviews about Multimedia Software’
MSN – ‘IBM Multimedia’
Yahoo – ‘Multimedia Software, Inc.: developers of interactive media’


Dengan ini, secara tidak langsung maklumat yang diberikan oleh setiap Enjin Gelintar adalah berbeza.

Kejituan yang dicapai oleh setiap Enjin Gelintar didapati, kebanyakannya tidak sama. Ini dapat dirujuk seperti mana rajah di bawah dengan mengambil 10 rekod pertama daripada senarai rekod yang diperolehi:

ENJIN PENCARIAN	KEJITUAN
Alta Vista	$4/10 \times 100 = 40\%$
Amazon	$3/10 \times 100 = 30\%$
Deja News	$1/10 \times 100 = 10\%$
Excite	$8/10 \times 100 = 80\%$
Galaxy	$4/10 \times 100 = 40\%$
HotBot	$9/10 \times 100 = 90\%$
InfoSeek	$5/10 \times 100 = 50\%$
Lycos	$9/10 \times 100 = 90\%$
MSN	$6/10 \times 100 = 60\%$
Yahoo	$7/10 \times 100 = 70\%$

Rajah ini dapat dijelaskan lagi dengan merujuk kepada graf bar yang ditunjukkan di bawah:

Nilai Peratus Kejituan Setiap Satu Enjin Gelintar



Daripada graf tersebut, walaupun Hotbot dan Lycos mempunyai memberikan 90% kejituan, namun maklumat data yang diperolehi adalah berbeza.

Mengindeks

Hasil daripada pencarian maklumat melalui Internet, dapat diketahui ciri-ciri setiap Enjin Gelintar. AltaVista dapat mengindeks lebih 50 juta halaman dalam 476,000 pangkalan data dan 4 juta artikel dari 14,000 pengguna Internet. AltaVista mengindeks teks penuh antara halaman. Amazon pula dianggap sebagai kedai buku yang paling besar di dunia, mempunyai 2.5 juta judul katalog. Enjin Gelintar ini hanya menyenaraikan katalog buku-buku yang berada di pasaran. Manakala Deja News merupakan pencarian teks penuh yang dapat mengakses pesanan kumpulan pengguna. Enjin Gelintar ini merupakan sumber yang baik untuk mencari topik terkini yang merupakan perbincangan antara pengguna Internet atau iklan terutama iklan pekerjaan. Dipercayai boleh mencapai 20,000 kumpulan pengguna yang diindeks dari Mac 1995.

Excite pula melakukan pencarian dengan konsep tersendiri. Enjin Gelintar ini bukan sahaja mencari maklumat perkataan yang ditaip, tetapi mencari maklumat yang hampir berkaitan dengan perkataan yang diminta. Excite boleh mencari artikel-artikel dan data pengguna mengandungi 50 juta halaman yang diindeks dalam pangkalan data. Selain dari itu Galaxy menyenaraikan perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi, memberikan pengguna maklumat yang terpilih dengan membahagikan paparan kepada tujuh bahagian iaitu ringkasan, kekerapan perkataan, rangka, sumber, jenis, masa kemasukan dan indeks data. Hotbot pula mempunyai ciri-ciri pencarian yang unik, menjadikannya Enjin Gelintar yang berguna, termasuk menyusun hasil pencarian melalui tarikh dan jenis media.

Infoseek mempunyai sistem perindeksan yang unik. Ia mengenal pasti urutan kemunculan perkataan di halaman dan di dalam artikel. Pengguna dapat menspesifikasikan frasa atau kumpulan perkataan dalam urutan yang betul. Ia boleh membawa pengguna ke halaman yang mengandungi bahan atau maklumat yang serupa. Lycos pula menyenaraikan halaman yang baik di jaringan, terutama mampu memberikan rujukan mudah untuk pengguna baru. Ia juga mengandungi katalog pelbagai media untuk suara dan gambar, mengalirkan maklumat dan alamat pangkalan data yang lain. MSN pula merupakan Enjin Gelintar yang semakin popular di kalangan pengguna Internet. MSN ini diwujudkan dari pergabungan berbagai halaman jaring yang dioperasikan oleh Microsoft, mempunyai pelbagai hubungan dengan perkara-perkataan yang berkaitan seperti, Carpoint, Gaming Zone, Health, Money Central, Home Advisor, Encarta, Eshop, MSNBC dan Auctions. Yahoo pula merupakan Enjin Gelintar yang tertua dan paling dikenali, mempersembahkan katalog halaman jaringan. Senarainya adalah seperti Halaman Kuning atau ensiklopedia yang menunjukkan pelbagai halaman di bawah katagori perkara dan perkataan. Oleh itu, disebabkan ciri-ciri setiap satu Enjin Gelintar juga berbeza tidak secara langsung capaian yang diperolehi juga berbeza di antara satu sama lain.

Kesimpulan

Hasil daripada huraian yang telah diterangkan di atas menunjukkan kebenaran kenyataan 'Pencarian katakunci yang sama menggunakan Enjin Gelintar yang berbeza seumpama bertanya kepada 10 orang untuk menggambarkan keadaan atau perkara yang sama: peluangnya anda akan memperolehi 10 cerita yang berbeza.' Hal ini berlaku kerana setiap Enjin Gelintar mempunyai

kelebihannya masing-masing dalam pencarian maklumat. Dapat diketahui bahawa Enjin Gelintar ini diwujudkan untuk tujuan-tujuan khusus seperti Halaman Kuning (*Yellow Pages*), Kedai Buku (*Book Store*), Pengiklanan, Kumpulan Berita (*News Groups*) dan organisasi yang membina Enjin Gelintar ini, masing-masing sentiasa berlawan di antara satu sama lain untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pengguna Internet.

RUJUKAN

1. Ding Choo Ming. (1997). Kereta laju di lebuh raya maklumat. <http://www.geocities.com/athens/delphi/2129> (17 Februari 1997).
2. Glister, P. 1997. *The Mosaic Navigator: The essential Guide to the Internet Interface*. U.S.A: John Wiley & Sons Inc.
3. Glister, P. 1994. *Finding it on the internet : The essential guide to Archie, Veronica, Gopher, WAIS, WWW (Including Mosaic) and other search and browsing tools*. U.S.A: John Wiley & Sons. Inc.
4. How to find it on the net. *Journal of Accountancy*. Jun 1997, Jilid 183. 6. p.69
5. <http://www.altavista.com> (5 Januari 2001).
6. <http://www.amazon.com> (5 Januari 2001).
7. <http://www.DejaNews.com> (5 Januari 2001).
8. <http://www.excite.com> (5 Januari 2001).
9. <http://www.galaxy.com> (5 Januari 2001).
10. <http://www.infoseek.com> (5 Januari 2001).
11. <http://www.lycos.com> (5 Januari 2001).
12. <http://www.msn.com> (5 Januari 2001).
13. <http://www.yahoo.com> (5 Januari 2001).